



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/2/2013

PKFZ: Dr M nafi ditipu

BH - 20/2/2013

» Kabinet buat keputusan selepas isu pembelian tanah tertangguh tiga tahun

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

▪ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan beliau ditipu bekas Menteri Pengangkutan, Tun Dr Ling Liong Sik, berhubung pembelian tanah Pulau Indah bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ).

Dr Mahathir dalam keterangannya berkata, surat dihantar Liong Sik kepadanya menyatakan harga pembelian tanah itu lebih rendah daripada harga penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

"Saya tidak fikir dengan menyatakan harga yang tidak jauh berbeza daripada angka dinilai JPPH, yang mana dalam kes ini ia lebih rendah

(daripada penilaian JPPH), adalah satu cubaan untuk menipu saya," katanya.

Dr Mahathir yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah pada sesi pemeriksaan balas, kemudian ditanya sama ada mengetahui kos pembelian tanah akhirnya mencecah 1.8 bilion sedangkan Kabinet hanya meluluskan pembelian sebanyak 1.08 bilion saja.

Tun Abdul Majid selanjutnya bertanya sama ada Dr Mahathir masih berpendirian tidak ditipu oleh tertuduh sedangkan pihak pendakwaan mengemukakan dokumen menunjukkan Kabinet hanya meluluskan harga pembelian pada RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi bersamaan RM1.08 bilion.

Kerajaan tanggung rugi

Menjawab soalan itu, Dr Mahathir berkata pembelian tanah itu adalah perkara mendesak kerana tertangguh selama tiga tahun berikutan terdapat isu memperoleh tanah melalui pengambilan balik menyebabkan kerajaan kerugian berbilion ringgit dalam bentuk pelaburan.

Beliau berkata, disebabkan penangguhan itu, Kabinet ti-



“
Saya tidak fikir dengan menyatakan harga yang tidak jauh berbeza daripada angka dinilai JPPH, adalah satu cubaan untuk menipu saya“

Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

dak dapat membuat keputusan sehingga pada akhirnya memutuskan untuk membeli tanah berkenaan, walaupun pada harga tinggi.

Liong Sik membela diri atas tuduhan menipu dengan memperdayakan Jemaah Menteri untuk memberikan persetujuan pembelian tanah di Pulau Indah bagi projek PKFZ mengikut terma dipersejui antara Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

Tidak guna terma betul

Sementara itu, Dr Mahathir menafikan cadangan Tun Abdul Majid bahawa beliau tidak bercakap benar apabila dalam keterangan sebelum ini me-

nyatakan harga belian RM25 bagi keluasan 30.48 sentimeter (sm) persegi berdasarkan harga tunai sedangkan dalam keterangan kelmarin beliau sebaliknya berkata, ia adalah harga kontrak.

"Minta maaf, saya menyatakan bahawa saya bercakap benar, saya mungkin menggunakan perkataan yang salah kerana tidak biasa dengan terma yang betul, malah pelajar sekolah mungkin memahami maksud harga tunai tetapi tidak faham harga khas, harga pembelian dan harga kontrak. Saya umpama pelajar sekolah ketika itu," katanya.

Perbicaraan di depan Hakim Datuk Ahmadi Asnawi bersambung hari ini.